




**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 14, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Urus Air Selangor pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

## **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Urus Air Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Urus Air Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Urus Air Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Urus Air Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Urus Air Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor memberi gambaran yang saksama.

## **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(REDZUAN BIN ABDUL SAMAD)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

SHAH ALAM, SELANGOR  
28 OGOS 2020  
09 MUHARAM 1442H



## **LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

### **PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, Dato' Seri Amirudin Bin Shari dan Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya yang merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Kumpulan Untung / (Rugi) Terkumpul dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

NAMA : DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA

GELARAN : TIMBALAN PENGERUSI

Tarikh : 26 OGOS 2020

Bagi pihak Lembaga,

NAMA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI

GELARAN : PENGERUSI


Tarikh : 27 OGOS 2020

## LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)

### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Saya, Dato' Ir. Hashim Bin Osman, Pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Kumpulan Untung / (Rugi) Terkumpul dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mengikut pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Shah Alam, Selangor ) .....  
pada ..... 27 AUG 2020 ..... )



Di hadapan saya,



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	NOTA	2019 RM	2018 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
HARTANAH,LOJI DAN PERALATAN	2	599,838	975,202
<b>ASET SEMASA</b>			
PENGHUTANG - CAJ ABSTRAKSI AIR	3	5,048,857	7,673,528
PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRA BAYAR	4	207,892	219,263
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	5	23,666,696	21,248,487
		28,923,445	29,141,278
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
PELBAGAI PEMIUTANG		28,978	182,152
GERAN PEMBANGUNAN	6	61,833	312,995
YURAN AUDIT		8,398	8,398
CUKAI PENDAPATAN PERNIAGAAN		237,650	121,804
		336,859	625,349
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>			
		28,586,586	28,515,929
		<b>29,186,424</b>	<b>29,491,131</b>
<b>DIBIAYAI OLEH</b>			
KUMPULAN UNTUNG / (RUGI) TERKUMPUL		29,186,424	29,491,131
		<b>29,186,424</b>	<b>29,491,131</b>

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	NOTA	2019	2018
	RM	RM	
<b>PENDAPATAN</b>			
HASIL LANGSUNG	7	10,558,077	12,943,644
GERAN KERAJAAN NEGERI		4,492,000	7,146,690
GERAN TERTUNDA DIREALISASIKAN		341,162	2,758,944
PENDAPATAN FAEDAH		856,978	626,065
LAIN-LAIN TERIMAAN		1,026,100	445,830
PEMBALIKAN SEMULA ROSOTNILAI		0	66,432
		<hr/> 17,274,317	<hr/> 23,987,605
<b>PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN</b>			
EMOLUMEN		8,731,388	8,172,989
PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP		276,261	280,221
PERHUBUNGAN DAN UTILITI		147,110	145,242
SEWAAN		1,166,860	1,214,175
BEKALAN BAHAN MENTAH DAN BAHAN-BAHAN UNTUK PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN		69,103	98,583
BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN		456,703	386,315
PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL YANG DIBELI		157,628	172,533
PERKHIDMATAN IKHTIAS DAN PERKHIDMATAN LAIN	8	5,054,908	10,467,878
PEMBERIAN DALAM NEGERI		53,000	50,000
FAEDAH, DIVIDEN DAN KENAAN LAIN		556	384
GANJARAN		147,561	20,731
GANTIRUGI CUTI REHAT		51,240	28,182
PERBELANJAAN LAIN		0	205
SUSUT NILAI ASET TETAP		607,348	972,080
ROSOT NILAI		52,271	0
CUKAI JALAN		12,906	12,956
		<hr/> 16,984,843	<hr/> 22,022,474
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA SEBELUM CUKAI		289,474	1,965,131
CUKAI PENDAPATAN	9	(594,181)	(121,804)
JUMLAH KURANGAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA SELEPAS CUKAI		<hr/> (304,707)	<hr/> 1,843,327

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**  
**PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN UNTUNG / (RUGI) TERKUMPUL**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**RM**

**KUMPULAN WANG TERKUMPUL**

BAKI PADA 1 JANUARI 2018	27,647,804
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF	
TAHUN SEMASA	1,843,327
BAKI PADA 31 DISEMBER 2018	29,491,131
BAKI PADA 1 JANUARI 2019	29,491,131
JUMLAH KURANGAN KOMPREHENSIF	
TAHUN SEMASA	(304,707)
BAKI PADA 31 DISEMBER 2019	29,186,424

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	2019	2018
	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	(304,707)	1,843,327
PELARASAN UNTUK :-		
SUSUTNILAI HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	607,348	972,080
GERAN PEMBANGUNAN YANG DILUNASKAN	(341,162)	(2,758,944)
PENDAPATAN FAEDAH	(856,978)	(626,065)
<b>KERUGIAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA</b>	<b>(895,499)</b>	<b>(569,602)</b>
<b>TAMBAHAN/(KURANGAN) PADA MODAL KERJA</b>		
PELBAGAI PENGHUTANG , DEPOSIT DAN PRA BAYAR	11,371	31,994
PENGHUTANG - CAJ ABSTRAKSI AIR	2,624,671	360,918
CUKAI PENDAPATAN PERNIAGAAN	(115,846)	121,804
PELBAGAI PEMIUTANG	153,174	(179,609)
AKTIVITI PELABURAN DI INSTITUSI KEWANGAN TEMPATAN	(576,980)	0
GERAN PEMBANGUNAN	251,162	(2,595,379)
	2,347,552	(2,260,272)
<b>TUNAI DIGUNAKAN DALAM OPERASI</b>	<b>1,452,053</b>	<b>(2,829,874)</b>
FAEDAH DITERIMA	856,978	626,065
<b>TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI OPERASI</b>	<b>2,309,031</b>	<b>(2,203,809)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
TAMBAH HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	(231,984)	(768,735)
<b>TUNAI BERSIH DIGUNA DALAM AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>(231,984)</b>	<b>(768,735)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
GERAN PEMBANGUNAN	341,162	2,758,944
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	<b>341,162</b>	<b>2,758,944</b>
<b>TAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARAAN TUNAI</b>	<b>2,418,209</b>	<b>(213,600)</b>
BAKI AWAL TUNAI DAN SETARAAN TUNAI	21,248,487	21,462,087
BAKI AKHIR TUNAI DAN SETARAAN TUNAI	23,666,696	21,248,487
<b>BAKI AKHIR TUNAI DAN SETARAAN TUNAI MENGANDUNG :-</b>		
SIMPANAN TETAP	23,076,167	20,293,572
TUNAI DI BANK DAN DALAM TANGAN	590,529	954,915
	23,666,696	21,248,487

## **NOTA-NOTA KEPADA AKAUN PADA 31 DISEMBER 2019**

### **1. Maklumat Am Lembaga Urus Air Selangor**

#### **1.1 Penubuhan dan Kegiatan Utama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)**

Penubuhan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999. Lembaga adalah secara asasnya berperanan sebagai Agensi Setempat di dalam pengurusan sumber air dan lembangan sungai negeri. Secara ringkasnya Objektif Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) ialah :

- (a) Memastikan Sumber Air, Lembangan Sungai, Perairan Pantai dan alam persekitarannya berada di dalam keadaan yang terpelihara dan mampu bagi menyokong pembangunan sosioekonomi Negeri yang sentiasa berdaya maju.
- (b) Melaksanakan fungsi sebagai perancang, pelaksana, penyelaras, pemudah cara, penyelidik dan penguatkuasaan secara efektif, sistematik dan efisien dalam pembangunan dan pengurusan sumber air.
- (c) Mewujudkan suasana yang menggalakkan penyertaan sektor awam dan swasta dalam pengurusan sumber air dengan mengambil kira kepentingan awam dan Kerajaan Negeri serta menanamkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya sumber air dipelihara.
- (d) Sebagai sumber rujukan dan model ikutan pengurusan sumber air bersepadu yang unggul kepada negeri-negeri di Malaysia serta negara luar.

## **1.2 Dasar – dasar Perakaunan**

### **i. Asas Perakaunan**

Penyata Kewangan Lembaga disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mengikut piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dengan pengubahsuaian di buat mengikut kesesuaian peruntukan yang telah ditetapkan oleh Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

### **ii. Susutnilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai dan ditakrifkan sebagai harta tetap yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan dan bernilai kos RM1,000 atau lebih setiap satu termasuk peralatan yang kurang daripada RM1,000 yang melibatkan penyelenggaraan berkala ke atas peralatan berkenaan.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan pada kadar yang dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos aset-aset tersebut sepanjang anggaran tempoh hayat penggunaannya. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

<b><u>Jenis Harta Tetap</u></b>	<b><u>Peratus (%)</u></b>
Kemudahan Dan Pembaikan Kemudahan	20
Peralatan Pejabat, Perabot Dan Lengkapan	20
Kenderaan	20
Alat Kelengkapan Komputer	50
Alat Kelengkapan Elektronik	50
Alat Kelengkapan Penyiaran Dan Perhubungan	20
Alat Kelengkapan Fotografi Dan Muzik	20
Alat Elektrik	20

Keuntungan atau kerugian atas jualan adalah ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun pembawa aset dimana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian dari operasi.

iii. Rugi Rosotnilai

Rugi rosotnilai diperuntukan berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang belum dapat dipungut. Lembaga telah menyediakan polisi rugi rosotnilai adalah seperti berikut :

Tempoh hutang sehingga satu tahun	Tiada
Tempoh hutang melebihi satu tahun sehingga tiga tahun	50%
Tempoh hutang melebihi tiga tahun sehingga lima tahun	100%
Tempoh hutang melebihi lima tahun	Hapus Kira
Tempoh hutang melebihi satu tahun yang tidak dapat dikutip	Hapus Kira
Selepas tindakan mahkamah	

iv. Penjejasan Nilai Aset

Amaun yang dibawa bagi aset-aset Lembaga dikaji pada setiap tarikh Lembaran Imbalan untuk menentukan sama ada terdapatnya tanda-tanda bahawa aset-aset tersebut mengalami kerugian penjejasan. Jika tanda-tanda tersebut wujud, penjejasan diukur dengan membandingkan nilai yang dibawa oleh aset tersebut dengan amaun yang dapat diperoleh.

Amaun yang dapat diperoleh adalah yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dengan nilai penggunaan, yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan. Amaun yang dapat diperoleh dianggarkan bagi setiap aset atau, jika tidak mungkin, bagi unit yang menghasilkan tunai, di mana aset tersebut berada.

Kerugian penjejasan di caj serta-merta kepada penyata pendapatan, kecuali aset yang dinyatakan pada amaun yang dinilai semula. Sebarang kerugian penjejasan bagi aset yang dinilai semula diambil kira sebagai pengurangan kepada penilaian semula setakat baki lebihan penilaian semula yang dikenal pasti sebelumnya bagi aset yang sama.

Kebalikan bagi kerugian penjejasan yang dikenal pasti pada tahun-tahun terdahulu direkodkan apabila terdapatnya tanda bahawa kerugian penjejasan bagi aset tersebut tidak lagi wujud ataupun telah berkurang. Kebalikan tersebut dikenal pasti setakat amaun yang dibawa bagi aset tersebut yang ditentukan (selepas pelunasan dan susut nilai) jika tiada kerugian penjejasan dikenal pasti. Kebalikan tersebut diambil kira serta-merta dalam penyata pendapatan kecuali aset yang dinyatakan pada amaun yang dinilai semula.

v. Belum Terima Lain

Belum terima lain dinyatakan pada nilai boleh realis. Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan tertentu disediakan untuk semua hutang yang mana kutipannya diragui berdasarkan ulasan ke atas semua baki amaun pada tarikh lembaran imbangan.

vi. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai setara termasuk wang tunai dan baki di bank, deposit tetap serta pelaburan jangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dan risiko penurunan nilai yang rendah semasa pertukaran ke bentuk tunai.

vii. Belum Bayar Lain

Belum bayar lain dinyatakan pada nilai wajar dengan berdasarkan nilai perkhidmatan pada masa depan.

viii. Geran Kerajaan Bagi Projek Pembangunan

Geran kerajaan bagi projek pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan akan direalisasikan mengikut susut nilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dimodalkan.

ix. Pengiktirafan Pendapatan

- a) Geran Kerajaan bagi Belanja Mengurus diakaunkan berdasarkan asas akruan melainkan terdapat keperluan untuk pengubahsuaian.
- b) Geran Kerajaan bagi Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan diakaunkan ke akaun geran kerajaan tertunda.
- c) Pendapatan caj abstraksi air akan diiktiraf secara asas akruan apabila inbois bacaan meter dikeluarkan.
- d) Pendapatan fi dan pelesenan diiktiraf pada asas tunai.
- e) Faedah dan keuntungan daripada pinjaman komputer diakaunkan mengikut konsep akruan.
- f) Pendapatan faedah ke atas simpanan tetap dari institusi kewangan berlesen diakaunkan mengikut konsep akruan.

x. Manfaat Pekerja

a) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Lembaga juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti

rehat bagi pekerja yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai tanggungan manfaat pekerja jangka pendek.

b) Pelan Caruman Tetap

Lembaga membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) bagi pekerja yang telah diletakkan di dalam skim pencen dan sumbangan tersebut di ambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

xii. Dasar Pengurusan Risiko Kewangan

Dasar pengurusan risiko kewangan Lembaga adalah untuk memastikan ia ada mempunyai sumber-sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Lembaga membiayai operasinya dengan geran kerajaan, sumbangan luar dan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kewangan.

Dasar Lembaga bagi aktiviti yang berisiko kewangan adalah seperti berikut:

a) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Lembaga menguruskan aliran tunai bagi memastikan kesemua keperluan pembayaran dipenuhi. Di antara kaedah pengurusan kecairan yang diamalkan adalah untuk memastikan tahap tunai dan simpanan tetap boleh ditukar kepada tunai bagi memenuhi keperluan kecairan aliran tunai dari semasa ke semasa.

b) Risiko Kredit

Risiko kredit Lembaga kebanyakannya daripada akaun-akaun belum terima. Akaun-akaun ini adalah dipantau dari semasa ke semasa melalui prosedur-prosedur pengurusan dan tindakan akan diambil bagi hutang yang tertunggak.

## 2. Hartanah, Loji Dan Peralatan

Perkara	Kos			Susutnilai			Nilai Buku Bersih		
	Pada 01.01.2019	Tambahan 31.12.2019	Pada 01.01.2019	Pelarasan RM	Susutnilai tahun semasa RM	Pada 31.12.2019	Pada 31.12.2019	Pada 31.12.2018	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Alat Kelengkapan Pejabat, Perabot dan Lengkapan	396,865	12,300	409,165	368,494	0	16,775	385,269	23,896	
Alat Kelengkapan Penyiaran dan Perhubungan	251,417	2,230	253,647	217,307	(736)	10,108	226,679	26,968	
Alat Kelengkapan Elektronik	1,526,944	4,500	1,531,444	1,289,636	(12,337)	251,822	1,529,121	2,323	
Alat Kelengkapan Komputer	1,085,889	0	1,085,889	1,085,616	0	0	1,085,616	273	
Alat Kelengkapan Fotografi dan Muzik	97,068	0	97,068	76,787	0	6,639	83,426	13,642	
Kenderaan	2,531,705	103,500	2,635,205	2,019,679	0	230,346	2,250,025	385,180	
Alat Elektrik	120,619	46,939	167,558	101,295	0	17,342	118,637	48,921	
Kemudahan dan Pembaikan	122,531	0	122,531	69,327	0	16,000	85,327	37,204	
Kemudahan	134,752	0	134,752	77,638	0	26,946	104,584	30,168	
Alat Kelengkapan Komputer Lain	44,827	62,515	107,342	31,636	0	44,443	76,079	31,263	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>6,312,617</b>	<b>231,984</b>	<b>6,544,601</b>	<b>5,337,415</b>	<b>(13,073)</b>	<b>620,421</b>	<b>5,944,763</b>	<b>599,838</b>	
								<b>975,202</b>	

### 3. Penghutang – Caj Abstraksi Air

	2019 RM	2018 RM
Baki awal	7,932,626	8,449,980
(+) Caj Semasa	20,393,980	23,129,639
	<hr/>	<hr/>
(-) Terimaan Bayaran	(22,966,380)	(23,646,993)
	<hr/>	<hr/>
(-) Rugi Rosotnilai	(311,369)	(259,098)
	<hr/>	<hr/>
Baki akhir	5,048,857	7,673,528

### 4. Pelbagai Penghutang, Deposit Dan Pra Bayar

	2019 RM	2018 RM
Pinjaman Komputer	30,002	61,446
Faedah Simpanan Tetap Terakru	94,365	43,483
Pendahuluan Perjalanan	5,712	20,181
Pelbagai Pendahuluan	8,270	24,610
Pelbagai Cagaran	8,500	8,500
Deposit sewa ruang pejabat	61,043	61,043
	<hr/>	<hr/>
	207,892	219,263

### 5. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

	2019 RM	2018 RM
Tunai di Tangan	2,000	2,000
Tunai di Bank	588,529	952,915
Simpanan Tetap	23,076,167	20,293,572
	<hr/>	<hr/>
	23,666,696	21,248,487

## 6. Geran Pembangunan

	2019 RM	2018 RM
Baki awal	312,995	2,908,372
Terimaan geran pembangunan dalam tahun semasa	90,000	163,567
Tolak :-		
Pelunasan geran sebagai pendapatan tertunda	341,162	2,758,944
Baki Akhir	<u>61,833</u>	<u>312,995</u>

Pelunasan geran sebagai pendapatan tertunda disuaikan seperti berikut :-

	2019 RM	2018 RM
Geran tertunda yang direalisasikan	<u>341,162</u>	<u>2,758,944</u>
Perbelanjaan yang telah dilunaskan :-		
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	31,261	23,656
Perhubungan dan Utiliti	11,000	4,000
Sewaan	62,982	129,506
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	0	12,558
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	203,100	29,876
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain	32,819	2,559,348

## 7. Hasil Langsung

	2019 RM	2018 RM
Lesen, Terimaan Pendaftaran dan Permit - Fi Pendaftaran	101,850	91,450
Lesen, Terimaan Pendaftaran dan Permit -Lesen Pendapatan Perkhidmatan - Caj	432,700	403,700
Pendapatan Perkhidmatan - Fi Umum	9,993,326	12,407,759
Denda dan Hukuman	2,150	1,250
	28,051	39,485
	<b>10,558,077</b>	<b>12,943,644</b>

## 8. Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain

	2019 RM	2018 RM
Perkhidmatan Perubatan dan Pergigian	311,253	264,888
Perkhidmatan Ikhtisas / Profesional	1,562,533	1,069,401
Keraian Pejabat	223,291	243,880
Perkhidmatan yang lain	2,560,628	8,619,122
Perkhidmatan Percetakan dan Pengiklanan	183,820	99,714
Cukai Jualan dan Perkhidmatan	213,383	170,873
	<b>5,054,908</b>	<b>10,467,878</b>

## 9. Cukai Pendapatan

	2019 RM	2018 RM
Cukai tahun semasa	237,650	121,804
Pelarasan cukai tertunggak tahun 2016	132,985	0
Pelarasan cukai tertunggak tahun 2017	183,859	0
Pelarasan cukai tertunggak tahun 2018	39,687	0
	<b>594,181</b>	<b>121,804</b>

